



**TEKS UCAPAN**  
**YBhg. DATO' TPr. MOHD. ANUAR BIN MAIDIN**  
**KETUA PENGARAH**  
**PLANMalaysia**  
**(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN**  
**ANTARABANGSA**  
**KALI KE-48 DAN HARI PERANCANGAN BANDAR**  
**SEDUNIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2019**

**BERTARIKH 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**PANTAI SENOK, BACHOK, KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.  
Terima kasih diucapkan kepada saudara  
Pengacara Majlis.

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji  
Ahmad bin Yakob

Menteri Besar Kelantan;

2. YB. Dato' Haji Mohd Amar bin Abdullah  
Timbalan Menteri Besar Kelantan;

3. YB. Dato' Shahidani bin Abd Aziz @  
Juned

Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan;

4. YB. Dato' Ahmad Robert bin Abd Rahim  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan;

5. Yang Berhormat Dato'/Yang Berhormat  
Ahli-ahli Majlis Masyuarat Kerajaan Negeri;

6. YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung  
Malaysia;

7. YABrs. Encik Mohd Radhi Chu bin  
Abdullah  
Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan;

8. YABrs. Town Planner (TPr.) Haji  
Hassan bin Yaakob  
Pengarah PLANMalaysia@Kelantan;

Yang Amat Berusaha  
Ketua-ketua Jabatan peringkat Negeri dan  
Persekutuan;

Ketua-ketua Jajahan, merangkap Yang  
Dipertua Pihak-pihak Berkuasa Tempatan  
Negeri Kelantan;

Badan-badan berkanun;

Wakil-wakil penduduk;

Pimpinan masyarakat;

NGO;

pelajar-Pelajar daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM);

Kakitangan-kakitangan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), Pengkalan Chepa; seterusnya

Tuan-tuan, Puan-puan yang dihormati  
sekalian dan dirahmati Allah sekalian.

## **UCAPAN ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniannya kita telah diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama pada pagi ini sempena **Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Kali Ke-48 dan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2019** yang diadakan di Pantai Senok, Bachok.

2. Saya amat berbesar hati di atas kerjasama murni dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bagi menjayakan sambutan pada kali ini.
  
3. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis ini dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan, yang telah melapangkan masa untuk hadir merasmikan program sempena

sambutan **Hari Hutan Antarabangsa Kali Ke-48 dan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) peringkat Negeri Kelantan 2019**. Kehadiran YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar amatlah dihargai, sekaligus menggambarkan komitmen dan sokongan yang tinggi Kerajaan Negeri Kelantan dalam aspek perancangan bandar dan desa.

4. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di peringkat Negeri dan daerah, wakil-wakil Jabatan, serta pemimpin-pemimpin masyarakat kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-



sama bagi menyambut **Hari Hutan Antarabangsa Kali Ke-48** dan **Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)** Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2019.

***YANG AMAT BERHORMAT, YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN***

**LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2019**

5. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali sebagai HPBS ialah hari istimewa untuk warga perancangan bandar bagi memperingati

peranan dan sumbangan mereka dalam melaksanakan agenda pembangunan mampan. Ianya bermula dari cetusan idea dan usaha ***Prof Carlos Maria Della Paolera***, seorang cendekiawan perancangan bandar terkenal dari Argentina yang menetapkan **8 November** setiap tahun **bermula tahun 1949** sebagai Hari Perancangan Bandar Sedunia. *HPBS* diraikan lebih di 30 negara di seluruh dunia. *PLAN*Malaysia juga telah menjadikan *HPBS* sebagai agenda tahunan semenjak tahun 1988 lagi.

## TEMA SAMBUTAN HPBS 2019

6. Tema sambutan HPBS pada tahun ini adalah **“Green And Community: Together Is Better”** iaitu pendekatan ke arah merancang dan melaksanakan pembangunan yang mampan serta mendidik masyarakat akan kepentingan memelihara alam sekitar ke arah persekitaran yang kondusif dan lestari.

7. **Green** atau **Hijau** yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan **Teras 2** dalam **Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN-3)**, iaitu **Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan**

**Iklm** dimana sasaran Malaysia untuk mencapai Negara Rendah Karbon dengan pengurangan sebanyak 50 peratus pelepasan gas karbon dioksida pada tahun 2040.

8. *Community* pula menggambarkan masyarakat yang perlu bersama-sama dengan pihak Kerajaan dalam usaha-usaha menggiat dan melaksanakan inisiatif-inisiatif kerajaan ke arah pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.

***YANG AMAT BERHORMAT, YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO', TUAN-***

# ***TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN***

## **SAMBUTAN HPBS 2019**

9. Majlis Sambutan HPBS 2019 Peringkat Kebangsaan kali ini telah diadakan di **Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor pada 10 November 2019 (Ahad)**. Untuk makluman, PLANMalaysia telah juga melaksanakan sambutan HPBS di setiap negeri bermula di Negeri Perlis pada 24 September 2019 dan akan berakhir di Negeri Kelantan pada hari ini.

10. Selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, PLAN Malaysia telah mensasarkan sebanyak **3,000** batang pokok dengan penglibatan **10,000** orang di semua negeri. Difahamkan sempena Sambutan HPBS Peringkat Negeri Kelantan pada tahun ini, Negeri Kelantan telah memberikan komitmen untuk menanam sebanyak **1,600** batang pokok diseluruh Negeri yang telah disumbangkan secara percuma oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Antara jenis pokok yang akan ditanam secara serentak pada hari ini adalah daripada spesies pokok Rhu sebanyak

**400** batang. Manakala di setiap PBT akan dibekalkan dengan **100** jenis pokok daripada spesis hutan yang akan diberikan kepada **12 buah PBT dan Pejabat Tanah dan Jajahan Lojing.**

11. Dengan **1,600** batang pokok ini, apabila membesar, berupaya mengurangkan **43,200 kilogram karbon setahun**, serba sedikit dapat menangani isu perubahan iklim dan pemanasan global yang semakin mengancam bumi. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

***YANG AMAT BERHORMAT, YANG  
BERBAHAGIA DATO'-DATO', TUAN-  
TUAN DAN PUAN-PUAN YANG  
DIHORMATI SEKALIAN***

**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA  
2030 (WKB2030)**

12. Pada 5 Oktober yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)**. WKB2030 ialah dokumen yang menggariskan matlamat **10 tahun** untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring



**dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.**

13. Turut disentuh dalam WKB 2030 adalah Aktiviti Ekonomi Hijau, yang merangkumi aktiviti seperti pengangkutan lestari, jaminan bekalan makanan, bandar pintar dan lestari, pembangunan persisir pantai yang mampan, dan teknologi adaptasi iklim. Ekonomi hijau juga merujuk kepada pembentukan sebuah ekonomi kitaran yang mampu beroperasi tanpa sisa buangan iaitu zero waste.

14. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan anggota

masyarakat untuk menggembleng tenaga bagi menjayakannya. Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan pula, dokumen ini nanti akan menjadi wadah baharu dalam merealisasikan komuniti rendah karbon yang dicita di kawasan pentadbiran masing-masing dengan lebih efisien.

## **HARAPAN**

15. Adalah menjadi harapan, agar semua pihak terutamanya di peringkat PBPT untuk bersama-sama terlibat secara aktif dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar supaya dapat dijaga dan

dikekalkan sekaligus memastikan perancangan dan pembangunan mampan di negara kita dapat diterjemahkan serta direalisasikan dengan jayanya khususnya di bumi Kelantan ini.

***YANG AMAT BERHORMAT, YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN***

## **PENUTUP**

16. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih tidak terhingga

khususnya kepada Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pentadbiran YAB Menteri Besar di atas komitmen dan sokongan padu yang telah diberikan. Seterusnya kepada semua yang terlibat dalam menjayakan **Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Kali Ke-48 dan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) peringkat Negeri Kelantan 2019**, khususnya kepada penganjur bersama iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, PLANMalaysia@Kelantan dan Majlis Daerah Bachok yang telah menjadi tuan rumah bagi sambutan HPBS pada kali

ini. Seterusnya, kepada 12 PBPT Negeri Kelantan yang memberi komitmen yang tinggi, komuniti-komuniti, pihak swasta dan peserta-peserta yang hadir pada hari ini.

17. Semoga setiap usaha dan tenaga yang telah dicurahkan, akan mendapat keberkatan daripada Yang Esa jua. Berbekalkan doa dan harapan, agar kesinambungan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan dapat terus dikecapi oleh seluruh pewaris bangsa pada masa hadapan.

Saya akhiri ucapan saya dengan

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih.